

Siri 24 08092020
Tarbiyah Pengasas

MERANCANG KEHIDUPAN

Muhammad Syukri Salleh

Cerita

Berjumpa Azhar

- ❑ Bekas staf USM (QS Jabatan Pembangunan)
- ❑ Bersara dan jadi kontraktor
- ❑ Pencen sendiri umur 55 tahun
- ❑ Kerja sekarang:
 1. Kongsi ilmu
 2. Amal jariah [misalnya 20% pendapatan disimpan dan digunakan untuk sedekah dan amal-amal jariah yang lain]
 3. Cuba mendidik anak-anak agar jadi soleh dan solehah
- ❑ Beliau merancang kehidupan bukan sahaja untuk dunia, tetapi juga untuk akhirat
- ❑ Beliau melakukan aktiviti kehidupan yang boleh mendapat pahala yang berkekalan.

Pahala Dunia saja v Pahala Berterusan

- Setakat mana sangat usia untuk kumpul pahala
- Jadi elok amal untuk pahala yang berterusan, walaupun selepas meninggal
- Untuk itu, kena rancang kehidupan
- Yang jamin pahala berterusan ialah:
 1. Ilmu yang bermanfaat
 2. Amal jariah
 3. Anak yang soleh dan solehah

3 Amal yang Berkekalan Pahala


Sabda Nabi SAW yang maksudnya: "Jika seorang manusia mati maka terputuslah daripadanya amalnya kecuali dari tiga perkara; dari sedekah jariah atau ilmu yang diambil manfaatnya atau anak soleh yang mendoakannya." (Riwayat Imam Muslim, Imam at-Tirmizi dan Imam an-Nasa'i)

7 Amal yang Berkekalan Pahala

Hadis Riwayat Ibnu Majah

Rasulullah SAW bersabda maksudnya, "Sesungguhnya diantara amal kebaikan yang mendatangkan pahala setelah orang yang melakukannya meninggal dunia ialah ilmu yang disebarluaskannya, anak soleh yang ditinggalkannya, mushaf (kitab-kitab keagamaan) yang diwariskannya, masjid yang dibina, rumah yang dibina untuk penginapan orang yang sedang dalam perjalanan, sungai yang dialirkannya untuk kepentingan orang ramai, dan harta yang disedekahkannya "(Hadis Riwayat Ibnu Majah).

1. Ilmu
 2. Anak soleh
 3. Mushaf
 4. Masjid
 5. Penginapan musafir
 6. Sungai
 7. Harta sedekah
-
- Amal Jariah



Jadi sepanjang kehidupan perlu merancang untuk:

1. Ilmu
2. Amal jariah
3. Anak Soleh

Semuanya kena niat kerana Allah, mencari redha Allah melalui tauhid, syari'ah dan tasawuf yang benar.

Saya bila kenang kembali

- Masa kecil tidak ada perancangan dan tidak tahu halatuju hidup.
- Hanya sedar bila kawan bertanya nak pergi ke mana selepas SPM, naik Tingkatan 6 atau apa?
- Masa Tingkatan 6, hanya tahu hendak ke Universiti, selepas itu hendak kerja sebab graduan dipandang tinggi (misalnya cikgu)
- Jadi pensyarah pun terjadi dengan sendiri setelah Dekan dan pensyarah menawarkannya, tanpa cita-cita.
- Hanya baru mula merancang ketika hendak buat Sarjana, dengan dua options:
 1. Sambung Sarjana, balik bekerja dan berkahwin, kemudian baru sambung PhD atau;
 2. Sambung Sarjana dan terus PhD, baru balik kerja dan berkahwin


Saya dan ISDEV bila dikenang

- ❑ Buat ISDEV dengan natural (jadi sendiri), tanpa perancangan serius
- ❑ Matlamatnya hanya tiga:
 1. Mahu menyelamatkan diri dan pelajar daripada pemikiran non-Islami, terutama sosialis (Marxisme dan neo-Marxisme) dan kapitalis;
 2. Mahu menghidup dan mengamalkan kembali cara dan adab pengajaran-pembelajaran tradisional amalan orang-orang soleh terdahulu; dan
 3. Mahu menjadi orang baik dan mengajak orang lain menjadi baik, terutamanya para pelajar
- ❑ Tumpuan hanya kepada Ilmu
- ❑ Amal jariah dan melahirkan anak soleh datang kemudian. Sekarang sudah jadi agenda ISDEV sebagai satu Jemaah.



Pengajaran

1. Merancang kehidupan dengan ilmu, amal jariah, dan anak-anak soleh/solehah
2. Di ISDEV, ambil peluang seboleh mungkin untuk:
 - Menimba ilmu
 - Membuat amal jariah
 - Menjadi anak-anak soleh/solehah
3. Sedar atau tidak, ketiga-tiga perkara ini sudah menjadi agenda ISDEV.




Ilmu



Amal Jariah



Anak Soleh/Solehah



Terima kasih